



# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**AHAD / 30 SEPTEMBER 2018**

**1. PELUANG PETANI PASAR HASIL TANI**

- **SINAR HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH :**  
**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
**(MADA)**

**KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2018**

**PERKARA : PERTANIAN**

## ***Peluang petani pasar hasil tani***

**KULIM** - Petani dipelawa mengambil peluang memasarkan hasil pertanian mereka secara terus di Pasar Tani Kekal (PTK) Kulim, di sini.

Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Daerah Kulim, Mohd Nadzri Ismail berkata, tapak niaga di PTK Kulim masih mempunyai kekosongan untuk diisi usahawan tani.

Menurutnya, tapak niaga di sini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan memberi keselesaan kepada peniaga serta pengunjung.

"Kita masih ada ruang kosong untuk usahawan tani

yang memerlukan tapak untuk memasarkan produk pertanian mereka setiap hari.

"PTK ini mempunyai pelbagai kemudahan yang memberi keselesaan kepada peniaga dan juga orang ramai seperti ruangan parkir, tempat menjamu selera dan tandas awam.

"PTK ini juga menjadi tempat tumpuan masyarakat sekitar terutama waktu hujung minggu untuk mendapatkan barangan keperluan dan barangan dapur mereka," katanya kepada Sinar Harian.

Katanya, PTK Kulim ber-

operasi setiap hari untuk memberi peluang peniaga menjual barangan niaga mereka selain membantu rakyat berjimat.

"Kita buka setiap hari bermula jam 7.30 pagi sehingga jam 1 tengah hari, pelbagai barangan ada di sini terutama barangan dapur basah atau kering selain pakaian dan makanan," katanya.

Tambahnya, peniaga yang berminat mendapatkan peluang perniagaan di sini boleh mendapatkan maklumat lanjut di Pejabat Fama Kulim atau Pejabat PTK Kulim.



**Mohd Nadzri (dua, kiri) bersama Pengarah Fama Kedah, Anuar Mohamed mengambil peluang mengacau bubur asyura di PTK Kulim untuk diedarkan kepada pengunjung.**